

04 DEC 1999

Lim-Sokong

DUA LIM ULANGI SOKONGAN KEPADA BN

PULAU PINANG, 4 Dis (Bernama) -- Lim Boo Chang dan Lim Chien Aun, yang bertindak keluar dari Gerakan, mengulangi sokongan mereka kepada Barisan Nasional dan berikrar untuk berkhidmat kepada pengundi mereka sebagai wakil bebas di bawah BN.

Dalam satu kenyataan dua muka surat di sini hari ini, kedua-dua Lim itu berkata tindakan mereka meninggalkan Gerakan bukan untuk menentang BN.

"Kami telah mengumumkan sokongan sepenuh hati kepada BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata mereka.

Boo Chang, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Datuk Keramat dan Chien Aun (Bayan Lepas), keluar dari Gerakan dua hari lepas untuk menjadi wakil bebas di bawah BN, menyatakan mereka sudah hilang keyakinan terhadap kepimpinan parti itu.

Chien Aun ialah anak bekas Ketua Menteri Tun Dr Lim Chong Eu manakala Boo Chang ialah anak anggota pengasas Gerakan Datuk Lim Ee Heong.

Mereka berkata kemenangan mereka dalam pilihan raya umum yang baru berakhir adalah hasil sokongan orang ramai terhadap dasar BN yang digariskan oleh Dr Mahathir.

"Malahan, semasa tempoh kempen pilihan raya kami, pengundi tampil untuk mengesahkan perkara ini dan memberikan komen mengenai prestasi lemah kerajaan negeri," menurut kenyataan itu.

Mereka kesal dengan kenyataan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bahawa keputusan mereka untuk meninggalkan parti adalah satu pengkhianatan dan penipuan, dan dipengaruhi oleh kuasa broker.

"Kenyataan seperti itu oleh seorang pemimpin parti adalah tidak patut dan satu penghinaan kepada kebijaksanaan dan kebebasan kami. Kami adalah ahli politik yang matang. Bapa kami adalah nadi dalam penubuhan Gerakan.

"Kami tidak perlu atau bergantung kepada apa yang dipanggil kuasa broker yang hanya wujud dalam khayalan Keng Yaik untuk membuat keputusan bagi kami," kata kenyataan mereka.

-- BERNAMA

SA RHM MAI